**SOALAN LAZIM BERKAITAN URUSAN PERCUKAIAN DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0**

**( Dikemas kini pada 26 Jun 2021 )**

## A. UMUM

<table>
<tr><th>Bil.</th><th>Soalan</th><th>Maklum Balas</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>Bilakah tempoh soalan lazim ini terpakai?</td><td>Soalan lazim ini terpakai dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Siapakah yang layak membuat permohonan rayuan di bawah kemudahan PKP 3.0 ini?</td><td>Pembayar cukai yang terjejas boleh membuat permohonan rayuan kepada LHDNM dengan mengemukakan dokumen sokongan.</td></tr>
<tr><td>3.</td><td>Apakah perkhidmatan yang ditawarkan oleh LHDNM dalam tempoh PKP 3.0?</td><td>Bagi memudahkan urusan percukaian dalam tempoh ini, LHDNM menyediakan perkhidmatan seperti berikut:
<table>
<tr><th>Bil.</th><th>Perkhidmatan</th><th>Waktu Operasi</th></tr>
<tr><td>i.</td><td>Kaunter Pusat Bayaran di Pusat Bayaran Kuala Lumpur, Pusat Bayaran Kota Kinabalu dan Pusat Bayaran Kuching</td><td>Hari Bekerja<br>8.00 pagi – 12.00 tengah hari<br><br>Urusan adalah berkaitan:<br>Bayaran Tunai dan Cek:<br>(a) Cukai Pegangan<br>(b) Seniman Kembara<br>(c) Cukai Keuntungan Harta Tanah Oleh Pemeroleh<br>(d) Kompaun<br><br>Bayaran Menggunakan Kad Kredit dan Kad Debit:<br>(a) Cukai Pendapatan dan<br>(b) Lain-lain Cukai.<br><br>Lain-lain urusan adalah secara dalam talian sahaja.</td></tr>
<tr><td>ii.</td><td>Kaunter Duti Setem di Pejabat Setem Cawangan (PSC)</td><td>Hari Bekerja<br>8.00 pagi – 12.00 tengah hari<br>(Urusan melalui janji temu sahaja)</td></tr>
<tr><td>iii.</td><td>MyTax (ezHasil)</td><td>24 jam</td></tr>
</table></td></tr>
</table>

<table>
<tr>
<td></td>
<td></td>
<td>
<table>
<tr><td>iv.</td><td>Panggilan telefon<br>Hasil Care Line<br>(Pusat Panggilan)</td><td>Hari Bekerja<br>9.00 pagi – 4.00 petang</td></tr>
<tr><td></td><td>Hasil Live Chat</td><td>Hari Bekerja<br>9.00 pagi – 5.00 petang</td></tr>
<tr><td>v.</td><td>Kaunter Bantuan Prihatin Rakyat (Permohonan Rayuan) di cawangan LHDNM, Pejabat Satelit, Pusat Khidmat Hasil (PKH) dan Pusat Transformasi Bandar (UTC)</td><td>Hari Bekerja<br>8.00 pagi – 12.00 tengah hari<br>(Urusan melalui janji temu sahaja)</td></tr>
</table>
Semua kaunter perkhidmatan percukaian DITUTUP sepanjang tempoh PKP 3.0.
Kaunter Pendaftaran Perniagaan dan Pembaharuan Lesen Perniagaan di LHDNM Cawangan Kuching juga DITUTUP.
Perincian berkenaan Perkhidmatan LHDNM sepanjang tempoh PKP 3.0 adalah seperti berikut:
i. http://www.hasil.gov.my/pdf/pdfam/KM_LHDNM_31052021_PERKHIDMATAN_LEMBAGA_HASIL_DALAM_NEGERI_MALAYSIA_LHDNM_SEPANJANG_TEMPOH_PENUTUPAN_PENUH_SEKTOR_SOSIAL_DAN_EKONOMI_TOTAL_LOCKDOWN.pdf
ii. http://www.hasil.gov.my/pdf/pdfam/KM_LHDNM_14062021_PERKHIDMATAN_LHDNM_SEPANJANG_TEMPOH_PKP_3.0.pdf
</td>
</tr>
<tr>
<td>4.</td>
<td>Adakah lanjutan masa akan diberikan jika pembayar cukai perlu mengemukakan dokumen dalam tempoh PKP 3.0 bagi kes sedang diaudit / disiasat?</td>
<td>Permohonan lanjutan masa hendaklah dikemukakan ke cawangan LHDNM yang mengendalikan kes melalui surat / e-mel dan permohonan akan dipertimbangkan berdasarkan merit kes.</td>
</tr>
<tr>
<td>5.</td>
<td>Adakah lanjutan masa akan diberikan jika pembayar cukai dikehendaki mengemukakan maklum balas kepada surat LHDNM dalam tempoh PKP 3.0?</td>
<td>Permohonan lanjutan masa hendaklah dikemukakan ke cawangan LHDNM yang mengendalikan kes melalui surat / e-mel dan permohonan akan dipertimbangkan berdasarkan merit kes.</td>
</tr>
</table>

## B. MyTax (ezHasil)

| Bil. | Soalan | Maklum Balas |
|---|---|---|
| 1. | Bagaimana untuk membuat permohonan nombor PIN e-Filing? | Pembayar cukai boleh membuat permohonan melalui Borang Maklum Balas Pelanggan di Portal Rasmi LHDNM di pautan:<br>https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-MY |
| 2. | Bagaimana untuk mendaftar nombor cukai pendapatan? | Pendaftaran nombor cukai pendapatan dan muat naik dokumen boleh dilakukan secara dalam talian seperti di bawah:<br>(a) Kategori faiI Individu, Syarikat, Majikan, Perkongsian, Perkongsian Liabiliti Terhad melalui pautan:<br>https://edaftar.hasil.gov.my/<br>(b) Kategori fail Pertubuhan, Harta Pusaka, Keluarga Sekutu Hindu, Unit Amanah / Amanah Harta Tanah, Koperasi, Badan Amanah, Amanah Pelaburan Harta Tanah / Tabung Amanah Harta dan Amanah Perniagaan melalui pautan:<br>http://www.hasil.gov.my/bt_goindex.php?bt_kump=2&bt_skum=5&bt_posi=1&bt_unit=3&bt_sequ=1<br>• Pilih cawangan LHDNM yang berkenaan dan klik pada 'Hubungi Kami: Klik di sini'.<br>• Permohonan pendaftaran akan diterima dan dikendalikan oleh *Customer Care Officer* (CCO) di cawangan yang dipilih. |
| 3. | Jika terlupa kata laluan e-Filing, apa perlu saya buat? | a) Pembayar cukai yang mempunyai alamat e-mel berdaftar atau nombor telefon bimbit berdaftar dengan LHDNM:<br>• Klik set semula kata laluan melalui menu 'Terlupa Kata Laluan' di ezHASiL.<br>b) Pembayar cukai yang tiada alamat e-mel dan nombor telefon bimbit berdaftar; atau terdapat perubahan pada alamat e-mel berdaftar dan juga nombor telefon bimbit berdaftar:-<br>• Kemas kini maklumat melalui Borang Maklum Balas Pelanggan di Portal Rasmi LHDNM di pautan:<br>https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-MY |

## C. BORANG

<table>
<tr><th>Bil.</th><th>Soalan</th><th>Maklum Balas</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>Adakah LHDNM akan memberikan tambahan masa bagi pengemukaan borang nyata secara manual atau e-Filing?</td><td>Tarikh akhir pengemukaan borang nyata adalah seperti Program Memfail Borang Nyata bagi Tahun 2021.<br><br>http://www.hasil.gov.my/pdf/pdfam/ProgramMemfailBN_2021_Pin.3_1.pdf<br><br>Tambahan masa akan diberikan seperti berikut:-<br><br>i. Borang nyata bagi tahun taksiran 2020 melibatkan Syarikat, Perkongsian Liabiliti Terhad, Unit Amanah / Amanah Harta Tanah, Koperasi, Badan Amanah, Amanah Pelaburan Harta Tanah / Tabung Amanah Harta dan Amanah Perniagaan yang mempunyai tempoh perakaunan berakhir 1 Oktober 2020 hingga 31 Disember 2020:<br>• Tambahan masa dua (2) bulan dari tarikh akhir pengemukaan.<br><br>ii. Borang nyata bagi tahun taksiran 2021 melibatkan Syarikat, Perkongsian Liabiliti Terhad, Unit Amanah / Amanah Harta Tanah, Koperasi, Badan Amanah, Amanah Pelaburan Harta Tanah / Tabung Amanah Harta dan Amanah Perniagaan yang mempunyai tempoh perakaunan berakhir 1 Januari 2021 hingga 31 Januari 2021:<br>• Tambahan masa dua (2) bulan dari tarikh akhir pengemukaan.<br><br>iii. Borang nyata petroleum bagi tahun taksiran 2020 yang mempunyai tempoh perakaunan berakhir 1 Oktober 2020 hingga 31 Disember 2020:<br>• Tambahan masa dua (2) bulan dari tarikh akhir pengemukaan.<br><br>iv. Borang nyata petroleum bagi tahun taksiran 2021 yang mempunyai tempoh perakaunan berakhir 1 Januari 2021 hingga 31 Januari 2021:<br>• Tambahan masa dua (2) bulan dari tarikh akhir pengemukaan.<br><br>v. Borang nyata bagi Tahun Taksiran 2020 untuk kategori pembayar cukai yang MENJALANKAN PERNIAGAAN melibatkan Individu, Individu Pemastautin (Pekerja Berpengetahuan / Berkepakaran), Individu Bukan Pemastautin, Individu Bukan Pemastautin (Pekerja Berpengetahuan), Perkongsian, Pertubuhan, Harta Pusaka dan Keluarga Sekutu Hindu:<br>• Tambahan masa diberikan sehingga 31 Ogos 2021.</td></tr>
</table>

| | | |
|---|---|---|
| 2. | Adakah lanjutan masa diberikan bagi pengemukaan pindaan CP500 dan CP204 yang sepatutnya jatuh pada bulan Jun 2021? | Lanjutan masa akan diberikan sehingga 31 Julai 2021. |
| 3. | Bagaimana untuk mengemukakan Borang CP22 dalam tempoh PKP 3.0? | Borang CP22 boleh dikemukakan melalui Borang Maklum Balas Pelanggan di Portal Rasmi LHDNM di pautan:<br>https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-MY |
| 4. | Bagaimana permohonan Surat Penyelesaian Cukai (SPC) boleh dibuat dalam tempoh PKP 3.0? | (a) Permohonan boleh dikemukakan melalui kaedah berikut:<br>i. e-SPC<br>ii. Sistem Maklum Balas Pelanggan melalui pautan:<br>http://www.hasil.gov.my/bt_goindex.php?bt_kump=2&bt_skum=5&bt_posi=1&bt_unit=3&bt_sequ=1<br>• Pilih cawangan LHDNM yang berkenaan dan klik pada 'Hubungi Kami: Klik di sini'.<br>• Permohonan akan diterima dan dikendalikan oleh *Customer Care Officer* (CCO) di cawangan yang dipilih.<br>(b) Bagi pengemukaan borang nyata cukai pendapatan yang tiada kemudahan e-Filing, borang tersebut boleh dikemukakan melalui pos atau janji temu sahaja.<br>(c) Pemprosesan permohonan SPC akan dibuat selepas dokumen dan maklumat yang lengkap diterima. |
| 5. | Adakah lanjutan masa diberi bagi pengemukaan Notis Rayuan kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan (PKCP) [Borang Q] di mana tarikh akhir jatuh dalam tempoh PKP 3.0? | Permohonan lanjutan masa dengan mengisi Borang N hendaklah dikemukakan ke cawangan LHDNM secara bertulis dan permohonan akan dipertimbangkan berdasarkan merit kes. Pembayar cukai perlu mengisi Borang N dengan menyatakan alasan kelewatan iaitu disebabkan oleh PKP 3.0. |
| 6. | Adakah LHDNM akan memberikan tambahan masa bagi pengemukaan *Country-by-Country Reporting* (CbCR) di mana tahun kewangan berakhir jatuh dalam tempoh PKP 3.0? | Permohonan lanjutan masa hendaklah dikemukakan ke Jabatan Percukaian Antarabangsa secara bertulis dan permohonan akan dipertimbangkan berdasarkan merit kes. |

| | | |
|---|---|---|
| 7. | Apakah alternatif lain jika e-Residence tidak dapat digunakan kerana perlu menyertakan dokumen sokongan? | Permohonan boleh dikemukakan melalui kaedah berikut:<br>i. Melalui janji temu; atau<br>ii. e-mel kepada lhdn_int@hasil.gov.my<br>Maklumat lanjut boleh diperoleh di pautan berikut:<br>http://www.hasil.gov.my/bt_goindex.php?bt_kump=5&bt_skum=6&bt_posi=6&bt_unit=1&bt_sequ=1 |
| 8. | Adakah tambahan masa akan diberikan jika pembayar cukai perlu mengemukakan Anggaran Asal (Borang CP204) dan pemberitahuan pertukaran tempoh perakaunan (Borang CP204B) yang sepatutnya dikemukakan dalam bulan Jun 2021? | Lanjutan masa akan diberikan sehingga 31 Julai 2021. Borang CP204B perlu dikemukakan secara pos atau perkhidmatan kurier. |
| 9. | Adakah pindaan anggaran cukai (CP204) pada bulan ke-3 ansuran yang jatuh dalam tahun 2021 dibenarkan? | Tidak dibenarkan untuk meminda anggaran pada bulan ke-3 ansuran. Pembayar cukai hendaklah mengemukakan pindaan CP204 berkenaan pada bulan ke-6 / ke-9 bagi tempoh asas perniagaan melalui e-CP204A. |

## D. BAYARAN

| Bil. | Soalan | Maklum Balas |
|---|---|---|
| 1. | Adakah lanjutan masa diberikan bagi bayaran CP204 yang sepatutnya dibayar dalam bulan Jun 2021? | Tiada lanjutan masa yang diberikan. Pembayar cukai boleh membuat pembayaran secara dalam talian melalui aplikasi ByrHASiL. |
| 2. | Adakah lanjutan masa diberikan bagi lain-lain bayaran ansuran tunggakan audit dan siasatan yang sepatutnya dibayar pada bulan Jun 2021? | Tiada lanjutan masa yang diberikan. Pembayar cukai boleh membuat pembayaran secara dalam talian melalui aplikasi ByrHASiL. |

| | | |
|---|---|---|
| 3. | Adakah lanjutan masa diberikan untuk mengemukakan data dan bayaran PCB / CP38 bagi saraan daripada penggajian yang perlu dibayar pada 15 Jun 2021? | Tiada lanjutan masa yang diberikan. Pembayar cukai boleh membuat pembayaran secara dalam talian melalui aplikasi e-PCB, e-Data PCB dan e-CP39. |
| 4. | Adakah terdapat penangguhan bayaran kompaun atau penalti yang sepatutnya dibayar dalam tempoh 1 Jun 2021 hingga 28 Jun 2021? | Tambahan masa diberikan selama 30 hari dari tarikh akhir asal bayaran. |
| 5. | Adakah penjadualan semula bayaran ansuran cukai dibenarkan? | Pembayar cukai hendaklah membuat permohonan dengan mengemukakan dokumen sokongan aliran tunai. |
| 6. | Adakah lanjutan masa diberikan bagi pembayaran cukai pegangan yang sepatutnya dibayar dalam tempoh PKP? | Tiada lanjutan masa yang diberikan. Bayaran cukai pegangan boleh dilakukan melalui pindahan telegrafik dengan mengemukakan maklumat lengkap bayaran kepada LHDNM melalui faksimili ke nombor 03-62019637 atau e-mel kepada HelpTTpayment@hasil.gov.my. |

## E. RAYUAN DAN BAYARAN PENALTI

| Bil. | Soalan | Maklum Balas |
|---|---|---|
| 1. | Adakah penalti yang dikenakan boleh dirayu? | Ya. Pembayar cukai hendaklah mengemukakan permohonan bagi rayuan penalti cukai yang meliputi kes:<br>i. Penalti yang masih belum dibayar<br>ii. Penalti yang sedang dibayar berdasarkan jadual ansuran |
| 2. | Adakah kenaikan cukai yang dikenakan boleh dirayu? | Ya. Pembayar cukai hendaklah mengemukakan permohonan bagi rayuan meremit kenaikan cukai melalui Borang Maklum Balas Pelanggan di Portal Rasmi LHDNM. |
| 3. | Adakah pembayar cukai boleh membuat permohonan penangguhan pembayaran penalti dan kenaikan cukai ke tahun 2022? | Ya. Pembayar cukai boleh mengemukakan permohonan penangguhan tersebut melalui Borang Maklum Balas Pelanggan di Portal Rasmi LHDNM. |

## F. CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH (CKHT)

| Bil. | Soalan | Maklum Balas |
|---|---|---|
| 1. | Adakah lanjutan masa diberi bagi pengemukaan borang CKHT yang mana tarikh akhirnya jatuh dalam bulan Jun 2021? | Lanjutan masa akan diberikan sehingga 31 Julai 2021. |
| 2. | Adakah rayuan penalti boleh dipertimbangkan? | Ya. Pertimbangan peremitan penalti diberi berdasarkan merit kes. |

## G. DUTI SETEM

| Bil. | Soalan | Maklum Balas |
|---|---|---|
| 1. | Adakah rayuan penalti boleh dipertimbangkan? | Ya. Pertimbangan pengecualian / peremitan penalti diberi berdasarkan merit kes. |
| 2. | Adakah lanjutan masa boleh diberikan sekiranya penyeteman tidak boleh dilakukan dalam tempoh PKP 3.0? | Ya. Pertimbangan untuk lanjutan masa boleh diberikan berdasarkan merit kes. Permohonan hendaklah dibuat dalam tempoh 30 hari dari tarikh dokumen. |

**Nota:**

Soalan lazim (FAQ) ini disediakan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat percanggahan maklumat, FAQ versi Bahasa Melayu akan diguna pakai.